

NAMA :

KELAS :

UJIAN DIAGNOSTIK 2 2020

5226/1

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Sept/Okt

1¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nama dan kelas pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawab **semua** bahagian.*
4. ***Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 8 dalam kertas soalan ini.*
5. ***Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab **semua** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
6. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	21-40	20	
Jumlah		40	

Bahagian A
[20 markah]

1. Apakah ciri-ciri orang yang beragama?
 A Sentiasa reda dengan segala ketentuan daripada Allah SWT
 B Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif
 C Menggunakan segala nikmat Allah SWT hanya untuk kepentingan diri sendiri
 D Melakukan sesuatu bertujuan untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia

X	Membuktikan kebenaran rasul
	Menunjukkan kekuasaan Allah SWT
	Menambahkan keyakinan terhadap rasul

2. Berdasarkan pernyataan di atas, X menerangkan tentang
 A maksum
 B mau'nah
 C ma'rifah
 D mukjizat
3. Apakah perjanjian yang dipersetujui oleh manusia ketika Allah SWT meniupkan roh di alam rahim?
 A Memakmurkan alam
 B Belajar bersungguh-sungguh mencari ilmu
 C Mengaku bahawa Allah SWT sebagai tuhan
 D Mengakui kesempurnaan ajaran Islam
4. Apakah sebab Allah SWT merahsiakan kewujudan alam ghaib?
 I Menguji keimanan hamba-hamba-Nya
 II Dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan manusia
 III Alam ghaib adalah tempat seksaan orang yang mengingkari perintah Allah SWT
 IV Menunjukkan kekuasaan Allah SWT yang menjadikan seluruh alam
 A I, II dan III
 B I, III tkfi IV
 C II, III dan IV
 D I, II dan IV
5. Perkara berikut perlu dilakukan untuk menjaga akal **kecuali**
 A mengkaji tentang kejadian alam
 B makan makanan yang berzat
 C berfikir tentang perkara positif
 D berfikir tentang zat Allah SWT
6. Apakah yang dimaksudkan dengan ulul al-bab?
 A Orang yang selalu mengutamakan akal
 B Orang yang kurang menggunakan akal untuk berfikir
 C Orang yang celik akal
 D Orang yang berfikiran waras

❖ Sekularisme ❖ Materialisme
❖ Sosialisme ❖ Komunisme

7. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai perkara-perkara di atas.
- A Perkara-perkara yang mendekatkan diri kepada Allah SWT
 - B Perkara-perkara yang mencemarkan kesucian Islam
 - C Perkara-perkara yang membatalkan iman
 - D Perlakuan mempersendakan agama
8. Pengertian al-Quran ialah
- A Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab dan disampaikan secara mutawatir mendapat pahala jika membacanya
 - B Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan Malaikat Jibril atau terus daripada Allah SWT
 - C Suatu kumpulan ayat-ayat Allah SWT yang diturunkan kepada nabi untuk disampaikan kepada manusia
 - D Kalam Allah SWT yang mendapat pahala jika membaca setiap huruf dan perkataannya
9. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai ajaran sesat.
- I Memuliakan seseorang ahli agama
 - II Mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi
 - III Mentafsir al-Quran dan Hadis mengikut logik akal
 - IV Meyakini tidak ada kitab lain yang boleh menandingi al-Quran
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
10. Berikut adalah ciri-ciri agama langit **kecuali**
- A ajarannya bersifat kekal dan lengkap
 - B mempunyai kitab suci yang menjadi himpunan wahyu Allah SWT
 - C konsep ketuhanan yang jelas dan bukan rekaan akal manusia
 - D diturunkan secara berterusan sehingga hari kiamat
11. Pernyataan berikut menerangkan konsep Syumuliyah dalam bidang ibadat **kecuali**
- A sistem ibadat Islam mengatur semua aspek kehidupan manusia melalui ibadat khusus dan ibadat umum
 - B kewajipan mengeluarkan zakat dan infak pada jalan Allah SWT
 - C membentuk akhlak dan keperibadian yang baik
 - D ibadat Islam dapat mendisiplinkan cara hidup manusia
12. Memberi sesuatu kepada pegawai penemuduga supaya diterima bekerja sedangkan kelayakannya tidak mencukupi.
Situasi di atas menerangkan tentang
- A. riba
 - B. rasuah
 - C. monopoli
 - D. manipulasi

13. Apakah syarat-syarat untuk menjatuhkan hukuman terhadap orang yang bersalah?
- I Melalui pengakuan
 - II Melalui pembuktian
 - III Melalui kesaksian
 - IV Melalui kenyataan hemat
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

14. *"Bahawasanya Rasulullah SAW melarang menjual atau membeli anak binatang ternakan yang masih dalam kandungan ibunya."*

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis di atas menerangkan tentang muamalah yang dilarang dalam Islam kerana

- A tidak melaksanakan akad jual beli
 - B menjual barangan yang belum pasti
 - C mengandungi unsur manipulasi
 - D mengamalkan unsur riba
15. Matlamat bekerja ialah
- A mencari rezeki yang halal untuk menyara diri dan keluarga
 - B melancong ke negara asing untuk melihat kesan-kesan sejarah
 - C memberi sedekah dan derma kepada orang susah
 - D membeli rumah dan kereta

16. *"Semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan sesama manusia dalam sesebuah masyarakat untuk kebaikan bersama"*

Perkara di atas menerangkan tentang

- A cara beribadat
 - B ibadat khusus
 - C ibadat umum
 - D pengertian ibadat
17. Apakah yang dimaksudkan dengan mentaati suami?
- A Mengikut perintah suami selagi tidak berlawanan dengan syarak
 - B Bersama-sama mencari nafkah untuk menyara keluarga
 - C Tunduk dan sujud terhadap suami
 - D Mengikut segala perintah suami
18. Takzir ialah hukuman bagi kesalahan yang tidak ditetapkan oleh syarak. Antara berikut, yang manakah **tidak benar** mengenai kesalahan bagi hukuman takzir.
- A Membunuh manusia secara tidak sengaja
 - B Kesalahan hudud dan qisas yang tidak cukup bukti
 - C Kesalahan khalwat dan mencuri yang tidak cukup nisab
 - D Perbuatan mengganggu ketenteraman awam seperti kesalahan jalan raya dan rasuah

- Mewajibkan umatnya yang berkemampuan mengeluarkan zakat dan sedekah.
- Menuntut umatnya supaya bekerja bersungguh-sungguh, amanah dan tekun.
- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

19. Pernyataan di atas menerangkan cara penyelesaian masalah secara Islam dalam masalah
- A rasuah
 - B kejahilan
 - C kemiskinan
 - D sosial remaja
20. Antara berikut, yang manakah merupakan matlamat penyelesaian masalah khusus kepada seseorang diri manusia?
- A Melahirkan semangat kerjasama
 - B Menegakkan keadilan dalam masyarakat
 - C Menghapuskan gejala sosial dalam negara
 - D Menambahkan keyakinan dan keimanan seseorang kepada Allah SWT

Bahagian B
[20 markah]

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Soalan 21 hingga Soalan 25

Berikut ialah beberapa pernyataan tentang perkara yang merosakkan ibadat. Tulis jawapan yang bersesuaian dalam ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.

Riak	Syirik	Mulhid
Murtad	Hasad dengki	Munafik

- | | | | |
|-----|--|----------------------|--------------------------------|
| 21. | Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 22. | Menceritakan amalan baik yang dilakukan kepada orang lain untuk mendapat pujian. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 23. | Seseorang yang keluar daripada Islam. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 24. | Iri hati dengan nikmat yang dimiliki oleh orang lain. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 25. | Tidak ada agama. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |

Soalan 26 hingga Soalan 30

Lengkapkan pernyataan berikut berpandukan jawapan yang diberikan.


Mukallaf	Penceroobohan	Qisas	Nyawa
al-Murabahah	al-Takaful	Maksum	Ulul azmi

- | | | | |
|-----|---|----------------------|--------------------------------|
| 26. | Nabi Muhammad SAW, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Isa a.s., Nabi Nuh a.s. dan Nabi Musa a.s. dikenali sebagai rasul-rasul _____. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 27. | Mengabaikan hak-hak yang wajib ke atas harta merupakan salah satu bentuk _____ harta. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 28. | _____ ialah orang Islam yang telah akil baligh atau cukup umur dan diwajibkan mematuhi segala hukum Islam. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 29. | Sistem muamalah Islam dalam bentuk gabungan anggota masyarakat untuk saling menjamin dan menolong untuk meringankan beban orang perseorangan serta menjauhi kerosakan yang menyusahkan ialah _____. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 30. | Hukuman _____ yang telah ditetapkan oleh Allah SWT adalah untuk melindungi nyawa dan tubuh badan manusia. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |

Soalan 31 hingga Soalan 36

Lengkapkan carta di bawah tentang proses kejadian manusia berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

`Izhom & Lahm	`Alaqah	Bayi	Rahim
Barzakh	4	9	Janin



31. Peringkat X ialah _____.
32. Peringkat Y ialah _____.
33. Alam yang dilalui oleh X dan Y ialah alam _____.
34. Allah SWT meniupkan roh kepada manusia pada peringkat _____.
35. Usia manusia ketika Allah SWT meniupkan roh adalah _____ bulan.
36. Alam yang perlu dilalui oleh manusia selepas kematian ialah alam _____.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

1
1
1
1
1
1

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

37.	Kesalahan takzir boleh dijatuhkan hukuman buang daerah
38.	Sedekah merupakan bantuan yang wajib diberikan kepada fakir miskin
39.	Proses kejadian manusia telah diwahyukan oleh Allah SWT
40.	Ibadat umum merangkumi solat, puasa, zakat dan haji yang diniatkan kerana Allah SWT

1
1
1
1

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah Bahagian B

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

- 1 (A) (B) (C) (D)
- 2 (A) (B) (C) (D)
- 3 (A) (B) (C) (D)
- 4 (A) (B) (C) (D)
- 5 (A) (B) (C) (D)
- 6 (A) (B) (C) (D)
- 7 (A) (B) (C) (D)
- 8 (A) (B) (C) (D)
- 9 (A) (B) (C) (D)
- 10 (A) (B) (C) (D)

- 11 (A) (B) (C) (D)
- 12 (A) (B) (C) (D)
- 13 (A) (B) (C) (D)
- 14 (A) (B) (C) (D)
- 15 (A) (B) (C) (D)
- 16 (A) (B) (C) (D)
- 17 (A) (B) (C) (D)
- 18 (A) (B) (C) (D)
- 19 (A) (B) (C) (D)
- 20 (A) (B) (C) (D)

Markah Bahagian A